

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

PLG 418 : Soalan Kaedah Mengajar Kesusasteraan II

Masa : [2 jam]

Jawab TIGA soalan semuanya; SATU soalan daripada setiap Bahagian.

BAHAGIAN A

- [1] Nyatakan peristiwa "Waadat di dalam Sejarah Melayu" dan sejauh manakah ianya dipatuhi? Berdasarkan peristiwa tersebut sebagai tajuk pelajaran, nyatakan aktiviti-aktiviti pengajaran-pembelajaran yang boleh dilakukan untuk pelajar-pelajar anda.
(34 markah)
- [2] [a] Semuanya berpunca dari kelemahan Sultan hingga menyebabkan Melaka tewas kepada musuh dan pembunuhan Hang Jebat. Bincangkan insiden-insiden ini dengan memberi pendapat anda dengan alasan yang jitu berdasarkan teks Hikayat Hang Tuah
(20 markah)
- [b] Nyatakan langkah-langkah penyampaian supaya plot ini menarik minat pelajar-pelajar anda.
(14 markah)

BAHAGIAN B

- [3] Puisi lama adalah pancaran masyarakat lama; huraikan kenyataan tersebut dengan contoh-contoh yang jelas dari segi beberapa bentuk dan fungsi puisi lama.
(33 markah)

...2/-

(PLG 418)

- [4] Berdasarkan puisi di dalam Lampiran A,
- [a] nyatakan maksud perkataan yang bergaris;
(5 markah)
 - [b] persoalan yang disampaikan;
(5 markah)
 - [c] hubungan dengan penafsiran anda dengan kehidupan penyair dan
(10 markah)
 - [d] langkah pengajaran yang anda akan lakukan.
(13 markah)

BAHAGIAN C

- [5] [a] Perlihatkan enam aspek sosiologikal yang terdapat di dalam novel Salah Asuhan.
(13 markah)
- [b] Bagaimanakah anda dapat menimbulkan kefahaman pelajar tentang latar dan peristiwa-peristiwa itu dari segi sejarah budaya dan politik di Indonesia.
(20 markah)
- [6] Bagaimanakah anda menggunakan pendekatan biografi dalam pengajaran anda dengan mengemukakan cerpen-cerpen di dalam antologi Patah Tumbuh sebagai contoh.
(33 markah)

LAMPIRAN A

NYANYI SUNYI

Di Dalam Kelam

Kembali lagi marak-semarak
Jilat melonjak api penyuci
Dalam hatiku tumbuh jahanam
Terbuka neraka di lapangan swarga

Api melambai melengkung lurus
Merontaria melidah belah
Menghangus debu menghitam belam
Buah tenaga bunga swarga

Hati firdausi segera sentosa
Murtad merentak melaut taufan
Naik kabut mengarang awan
Menghalang cuaca nokta utama

Berjalan aku di dalam kelam
Terus lurus moal berhenti
Jantung dilebur dalam jahanam
Kerongkong hangus kering pateri

Meminta aku kekasihku sayang:
Turunkan hujan embun rahmatmu
Biar padam api membelam
Semoga pulih pokok percayaku